



**Idris (kanan) menerima cenderamata dari Pengasas dan Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah selepas merasmikan Persidangan Pendidikan Malaysia Ke-21 di Petaling Jaya, semalam.**

# UiTM, UKM perintis Gap Year

➔ **Cuti**  
 pengajian  
 setahun ditawarkan  
 kepada pelajar  
 disertai agensi  
 keselamatan

**Oleh Ahmad Suhael Adnan**  
 ahmad.suhael@bh.com.my

► **Petaling Jaya**

**U**niversiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipilih menjadi perintis Program Gap Year 2017 atau setahun cuti daripada pengajian.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata kedua-dua universiti itu akan menawarkan program berkenaan kepada pelajar tahun kedua dan ketiga bermula September depan.

Katanya, pelajar akan diberi peluang bekerja dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam tempoh berkenaan.

### **Khidmat kepada negara**

"Program Gap Year yang sedang kita laksanakan sekarang berkonsepkan perkhidmatan kepada negara dengan kerjasama agensi keselamatan. Dalam tempoh satu tahun cuti itu, pelajar akan ditetapkan sebagai kadet polis ataupun tentera sementara serta bekerjasama dengan APM.

"Ini adalah program kesukarelawan yang boleh memastikan pelajar memperkukuhkan lagi perpaduan, mengeratkan kasih sayang dan semangat patriotisme pada negara serta kesukarelawan dalam kalangan pelajar," katanya ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Pendidikan Malaysia Ke-21 di sini, semalam.

Program Gap Year itu akan memberi tempoh 'rehat' setahun kepada pelajar yang berminat menyertai empat agensi keselamatan berkenaan yang menawarkan peluang pekerjaan khas untuk mereka.